6 HIDUP BERSATU PADU MENJANA KESEJAHTERAAN	TP1	Menyatakan contoh amalan hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa.	29		
	TP2	Menerangkan cara hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa.	30		
	TP3	Menilai keperluan amalan hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa.	31		
	TP4	Menghubung kait cabaran dengan cara hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa.	32		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan amalan hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa.	33, 34		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan hidup bersatu padu dalam kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa.	34		

Tahap Penguasaan Unit 6

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

7 KUALITI PERKHIDMATAN AWAM ASPIRASI PEMBANGUNAN NEGARA	TP1	Menyatakan idea bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam untuk kebaikan bersama.	35		
	TP2	Menerangkan contoh piagam pelanggan perkhidmatan awam demi kebaikan bersama.	36		
	TP3	Menilai cara menyuarakan pendapat tentang mutu perkhidmatan awam yang diterima.	37		
	TP4	Menghubung kait kesan pengabaian sumbangan perkhidmatan awam dengan pembangunan negara.	38		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan cara menggunakan perkhidmatan awam secara berhemah dalam kehidupan sehari-hari.	39		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan cara menggunakan perkhidmatan awam secara berhemah dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi.	39		

Tahap Penguasaan Unit 7

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
8 BUMI HIJAU BUMI KITA	TP1	Menyatakan contoh amalan 5R bagi pengekalan Bumi Hijau.	40, 41		
	TP2	Menerangkan kepentingan amalan 5R bagi pengekalan Bumi Hijau.	42		
	TP3	Mengaplikasi dengan menunjuk cara amalan 5R yang inovatif bagi pengekalan Bumi Hijau dalam kalangan masyarakat.	43		
	TP4	Menghubung kait amalan 5R dengan pengekalan Bumi Hijau.	44		
	TP5	Menghayati dan memperkenalkan amalan 5R bagi pengekalan Bumi Hijau dalam kehidupan sehari-hari.	45		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan 5R bagi pengekalan Bumi Hijau dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi.	45		

Tahap Penguasaan Unit 8

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

9 TANGGUNGJAWAB SOSIAL TANGGUNGJAWAB BERSAMA	TP1	Menyatakan contoh tanggungjawab sosial dalam kehidupan bermasyarakat.	46		
	TP2	Menerangkan kepentingan melaksanakan tanggungjawab sosial dalam kehidupan bermasyarakat.	47		
	TP3	Mengaplikasi dengan menunjuk cara idea baru untuk menggalakkan generasi muda melaksanakan tanggungjawab sosial.	49		
	TP4	Menghubung kait peranan diri individu dengan tanggungjawab sosial.	48		
	TP5	Menghayati dan memperkenalkan tanggungjawab sosial menerusi aktiviti kemasyarakatan dalam kehidupan sehari-hari.	50		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan tanggungjawab sosial menerusi penglibatan aktiviti kemasyarakatan dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi.	50, 51		

Tahap Penguasaan Unit 9

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

BIDANG 4: MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG					
10 HIDUP BERADAB CERMINAN DIRI	TP1	Menyatakan contoh adab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.	52		
	TP2	Menerangkan kepentingan beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.	53		
	TP3	Menilai kesan sekiranya tidak beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.	54		

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
	TP4	Menghubung kait kesan beradab dengan tidak beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi.	55		
	TP5	Menghayati dan memperkenan adab majlis rasmi dan tidak rasmi dalam kehidupan sehari-hari.	56		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan adab majlis rasmi dan tidak rasmi dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi.	56		

Tahap Penguasaan Unit 10

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

11

HINDARI JENAYAH KANAK-KANAK

TP1	Menyatakan contoh jenayah juvana.	57		
TP2	Menerangkan sebab berlakunya jenayah juvana.	58		
TP3	Menilai kesan jenayah juvana ke atas diri, keluarga, masyarakat dan negara.	59		
TP4	Menghubung kait kehidupan tanpa jenayah juvana dengan kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat.	60		
TP5	Menghayati dan memperkenan cara hidup tanpa jenayah juvana dalam kehidupan sehari-hari.	61		
TP6	Menghayati dan mengamalkan sikap antijenayah juvana dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi.	61		

Tahap Penguasaan Unit 11

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

12

KEBEbasan BERSUARA MENJAMIN KEMAKMURAN NEGARA

TP1	Menyatakan contoh kebebasan bersuara.	62		
TP2	Menerangkan keperluan kebebasan bersuara dengan batasan.	63		
TP3	Menilai cara bagi menyuarakan pendapat melalui saluran yang betul.	64		
TP4	Menghubung kait kesan penyalahgunaan hak kebebasan bersuara dengan keharmonian hidup bermasyarakat.	65		
TP5	Menghayati dan memperkenan kebebasan bersuara mengikut landasan undang-undang dalam kehidupan sehari-hari.	66		
TP6	Menghayati dan mengamalkan kebebasan bersuara mengikut landasan undang-undang dalam kehidupan sehari-hari secara tekal atau boleh dicontohi.	66		

Tahap Penguasaan Unit 12

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
13 AMALAN TRADISI MASYARAKAT MAJMUK	TP1	Menyatakan contoh tradisi dalam masyarakat majmuk.	67		
	TP2	Menerangkan kepentingan tradisi dalam masyarakat majmuk.	68		
	TP3	Menilai tanggungjawab individu bagi mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk.	69		
	TP4	Menghubung kait amalan tradisi masyarakat majmuk dengan perpaduan kaum.	70		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan tradisi masyarakat majmuk dalam kehidupan seharian.	71		
	TP6	Menghayati dan mengamalkan tradisi masyarakat majmuk dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	71, 72		

Tahap Penguasaan Unit 13

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

14 KEMANUSIAAN ASAS KEMORALAN	TP1	Menyatakan contoh peraturan-peraturan asas dalam undang-undang kemanusiaan antarabangsa.	73		
	TP2	Menerangkan kepentingan pengekalan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.	74		
	TP3	Menilai contoh pencabulan undang-undang kemanusiaan antarabangsa di negara yang berkonflik.	75		
	TP4	Menghubung kait kesan pengabaian undang-undang kemanusiaan antarabangsa dengan keamanan dan keharmonian sesebuah negara.	76		
	TP5	Menghayati dan mempamerkan aktiviti bagi menyuarakan pendapat berkaitan konflik kemanusiaan antarabangsa melalui saluran yang betul dalam kehidupan seharian.	77		
	TP6	Menghayati dan mempamerkan aktiviti bagi menyuarakan pendapat berkaitan konflik kemanusiaan antarabangsa melalui saluran yang betul dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi.	78		

Tahap Penguasaan Unit 14

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

NILAI UNIVERSAL BAGI KSSM PENDIDIKAN MORAL

Nilai	Maksud Nilai
Kepercayaan kepada Tuhan	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
Bertanggungjawab	Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
Berdikari	Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.
Harga diri	Berupaya menjaga maruah diri.
Kerajinan	Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
Berterima kasih	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
Patriotisme	Bangga dan taat setia kepada raja dan negara.
Kebebasan	Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang.
Keberanian	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.
Kejujuran	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
Rasional	Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar.
Baik hati	Kepakaan terhadap keperluan dan kebajikan diri dan orang lain dengan memberikan bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
Hemah tinggi	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia.
Hormat	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial.
Kasih sayang	Kepakaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.
Kerjasama	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
Kesederhanaan	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
Toleransi	Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain.

NOTA EKSPRES

UNIT

1

▷▷ Pilihan Bermoral Pilihan Saya

Cadangan Nilai:


- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kebebasan
- Keberanian
- Bertanggungjawab
- Rasional

Ciri Pilihan Bermoral

1. Setiap individu boleh membuat pilihan bermoral dari segi:
 - (a) tingkah laku
 - (b) kerjaya
 - (c) kawan
 - (d) gaya hidup
2. Kesedaran untuk membuat pilihan bermoral hendaklah dipupuk sejak kecil lagi.
3. Antara ciri pilihan bermoral ialah:
 - (a) sentiasa mengamalkan tingkah laku yang baik, benar dan patut
 - (b) berpegang teguh pada ajaran agama dan kepercayaan
 - (c) mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan
 - (d) melakukan perkara yang membawa kebaikan kepada diri dan orang lain

Domain Pilihan Bermoral

1. Pilihan bermoral perlulah dibuat secara konsisten dan meliputi tiga domain.



Keperluan Membuat Pilihan Bermoral

1. Meningkatkan keyakinan diri.
2. Memelihara harga diri.

3. Menjamin masa hadapan yang baik.
4. Memupuk perpaduan dan keharmonian.
5. Memupuk sikap saling menghormati.
6. Menyemai hubungan kerjasama.

Kepentingan Mempertahankan Pilihan Bermoral

1. Setiap individu perlu membuat pilihan bermoral dalam kehidupannya.
2. Pilihan bermoral yang telah dibuat perlulah dipertahankan dan diamalkan secara berterusan demi kebaikan.
3. Antara kepentingan mempertahankan pilihan bermoral ialah:
 - (a) menjamin kehidupan yang sejahtera
 - (b) dihormati oleh rakan-rakan
 - (c) dipandang tinggi oleh masyarakat

Konflik dalam Pilihan Bermoral

1. Pilihan bermoral akan menjadi konflik apabila berlakunya dilema moral.
2. Hal ini menyebabkan tindakan yang perlu diambil berlandaskan pilihan bermoral akan menjadi sukar.
3. Oleh yang demikian, pilihan bermoral haruslah dibuat secara teliti.

Perasaan Apabila Membuat Pilihan Bermoral

1. Seseorang individu akan berasa gembira, seronok dan puas hati apabila membuat keputusan berkaitan dengan sesuatu perkara berlandaskan pilihan bermoral.
2. Nilai kepercayaan kepada Tuhan dapat membantu individu membuat pilihan bermoral yang baik.
3. Nilai bertanggungjawab dan rasional dapat memastikan setiap pilihan bermoral yang dibuat dapat membawa kebaikan bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga orang lain.
4. Nilai kebebasan dan keberanian dapat memastikan pilihan bermoral yang dibuat adalah mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.



UNIT 2

Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

Cadangan Nilai:

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kasih sayang
- Rasional
- Berterima kasih
- Bertanggungjawab

Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

1. Anugerah Tuhan ialah kurniaan, pemberian dan rahmat daripada Tuhan.
2. Alam yang kita diami merupakan contoh kurniaan Tuhan yang tidak ternilai kepada kita.
3. Terdapat pelbagai anugerah alam ciptaan Tuhan yang dikurniakan kepada kita. Antaranya ialah:
 - (a) banjaran gunung yang menakjubkan tanda kebesaran Tuhan
 - (b) kehijauan hutan yang dapat menyeimbangkan suhu bumi
 - (c) air terjun yang jernih menjadi sumber air bagi pelbagai hidupan
 - (d) monyet belanda yang unik membuktikan kepelbagaian anugerah Tuhan
 - (e) buah-buahan yang berkhasiat dapat dijadikan sebagai sumber makanan
 - (f) gua yang unik dijadikan sebagai warisan negara
 - (g) pantai yang indah menjadi tarikan para pelancong tempatan dan asing
 - (h) tasik yang tenang dijadikan sebagai tempat rekreasi orang ramai
4. Kita haruslah menghargai dan memanfaatkan pelbagai anugerah alam ciptaan Tuhan yang dikurniakan Tuhan dengan sebaik-baiknya.

Kepentingan Menghargai Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

1. Sumber pendapatan dan ekonomi negara.
 - (a) Menarik kedatangan pelancong tempatan dan luar negara
 - (b) Menggunakan hasil bumi untuk keperluan negara dan pasaran eksport

2. Sumber tenaga.

- (a) Membekalkan sumber tenaga seperti tenaga solar dan tenaga hidroelektrik
- (b) Memudahkan kehidupan manusia
- (c) Memajukan sektor perindustrian

3. Kelangsungan flora dan fauna.

- (a) Mengelakkan kepupusan flora dan fauna
- (b) Generasi akan datang dapat menikmati keindahan alam dan mengenali spesies flora dan fauna

4. Sumber air, makanan dan perubatan.

- (a) Kepelbagaian flora dan fauna boleh digunakan sebagai sumber makanan dan perubatan
- (b) Air yang bersih digunakan untuk keperluan harian

Kesan Pengabaian Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

1. Pencemaran alam, iaitu udara, bunyi, air dan tanah yang boleh menjadikan aktiviti ekonomi dan keseimbangan ekosistem.
2. Bencana alam seperti banjir kilat, tanah runtuh dan hujan asid.
3. Kemusnahan habitat dan kepupusan flora dan fauna.
4. Kekurangan sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharui seperti petroleum, gas asli dan arang batu.

Cara Menghargai Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

1. Menggunakan sumber air mengikut keperluan dan tidak membazirnya.
2. Membuang sisa buangan secara terancang.
3. Tidak merosakkan anugerah alam ciptaan Tuhan.
4. Menjalankan aktiviti gotong-royong untuk menjaga kebersihan alam sekitar.
5. Tidak menebang pokok secara berleluasa.
6. Melaporkan aktiviti pembalakan haram kepada pihak berkuasa.
7. Menguatkuasakan undang-undang alam sekitar.
8. Menubuhkan agensi yang bertanggungjawab menjaga alam sekitar.

UNIT 3 ▷▷ Kebestarian Diri

Cadangan Nilai:

- Kerajinan
- Berdikari
- Bertanggungjawab
- Hemah tinggi
- Harga diri

Ciri Kebestarian Diri

1. Manusia adalah istimewa berbanding dengan makhluk lain yang dicipta oleh Tuhan kerana manusia dianugerahkan akal oleh Tuhan.
2. Akal yang dianugerahkan meletakkan manusia pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding dengan makhluk ciptaan Tuhan yang lain.
3. Dengan adanya akal, kebestarian diri dapat dibentuk dalam diri seseorang.
4. Kebestarian diri bermaksud seseorang yang berpengetahuan luas dan baik budi pekerti.
5. Antara ciri kebestarian diri ialah:
 - (a) bijak – pintar dan selalu menggunakan akal dalam membuat sesuatu keputusan
 - (b) berdisiplin – mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan
 - (c) bertanggungjawab – mampu memikul amanah yang diberikan
 - (d) matang – mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas
 - (e) aktif – bekerja atau berusaha melakukan sesuatu dengan giat
 - (f) berdaya tahan – mampu dan mempunyai daya tahan dalam menghadapi dugaan

Kepentingan Kebestarian Diri

1. Dapat membuat keputusan secara rasional.
2. Melahirkan insan yang berakhhlak mulia.
3. Berdaya maju untuk mencapai cita-cita.
4. Mempunyai sifat kental.
5. Pengurusan kerja harian menjadi lebih sistematik.
6. Mengelakkan sikap suka bertangguh dalam melakukan kerja.
7. Menjadi pemimpin yang berwawasan.
8. Sentiasa mencari peluang untuk memajukan diri.

Keperluan Berilmu Pengetahuan dan Berbudi Pekerti Mulia dalam Membentuk Kebestarian Diri

1. Seseorang dianggap tidak mempunyai kebestarian diri yang lengkap atau sempurna jika tidak mempunyai budi pekerti mulia walaupun mempunyai ilmu pengetahuan yang luas.
2. Seseorang hanya dikatakan mempunyai kebestarian diri jika dia memenuhi aspek pengetahuan dan budi pekerti.

Pengetahuan	Budi pekerti
<ul style="list-style-type: none"> • Berkemahiran • Boleh memberikan pandangan secara rasional • Berprinsip 	<ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa bersyukur • Menjaga harga diri • Sentiasa berwaspada

Amalan Disiplin Diri

1. Amalan disiplin yang berterusan dapat membantu mengembangkan kebestarian diri.
2. Disiplin diri penting kerana menjadi kekuatan dalaman untuk mengawal pemikiran, emosi, perlakuan diri serta bertindak balas secara berhemah terhadap perlakuan orang lain.
3. Contoh amalan mendisiplinkan diri:
 - (a) cekal menghadapi cabaran dalam kehidupan
 - (b) meneruskan perjuangan walaupun menghadapi kegagalan
 - (c) dapat mengawal diri dalam sebarang keadaan
 - (d) terus berusaha sehingga mencapai kejayaan
4. Contoh amalan tidak mendisiplinkan diri:
 - (a) cepat berputus asa dalam kehidupan
 - (b) memberikan pelbagai alasan apabila menghadapi kegagalan
 - (c) cepat marah dan bertindak mengikut perasaan
 - (d) bersikap sambil lewa dalam setiap tindakan



UNIT 4

Amalan Tradisi Kekeluargaan Khazanah Kita

Cadangan Nilai:

- Hormat
- Kasih sayang
- Baik hati
- Rasional
- Kerjasama

Tradisi Kekeluargaan

1. Tradisi ialah sesuatu kebiasaan atau amalan yang sudah sebatи dengan sesuatu masyarakat dan kekal turun-temurun.
2. Setiap keluarga mempunyai tradisi kekeluargaan yang diamalkan berdasarkan kepercayaan, norma dan adat resam keluarga masing-masing.
3. Antara tradisi kekeluargaan:
 - (a) adat menyambut kelahiran anak
 - (b) adat perkahwinan
 - (c) adat menyambut tetamu
 - (d) pantang larang
 - (e) adab makan
 - (f) perayaan
 - (g) kesenian
4. Contoh amalan tradisi kekeluargaan kaum Melayu:
 - (a) membongkokkan badan apabila lalu di hadapan orang sebagai tanda hormat
 - (b) berkunjung ke rumah saudara-mara dan rakan taulan serta bermaaf-maafan semasa Hari Raya Aidilfitri
 - (c) duduk bersila di atas lantai bagi lelaki dan duduk bersimpuh bagi perempuan
5. Contoh amalan tradisi kekeluargaan kaum Cina:
 - (a) makan besar bersama-sama anggota keluarga pada malam sebelum Tahun Baharu Cina
 - (b) memberikan angpau kepada anggota keluarga yang belum berkahwin semasa Tahun Baharu Cina
 - (c) memakai pakaian berwarna merah semasa Tahun Baharu Cina
6. Amalan tradisi kekeluargaan masyarakat India:
 - (a) mengikat dua batang pokok pisang di halaman rumah pengantin lelaki dan pengantin perempuan sebagai lambang penerusan warisan


- (b) memakai gelang tangan baharu bagi wanita hamil untuk melindungi bayi di dalam kandungan daripada kesukaran semasa bersalin
- (c) mendidihkan susu di dalam periuk tanah semasa masuk ke rumah baharu sebagai tanda kebahagiaan

7. Antara amalan tradisi kekeluargaan kaum Bidayuh:
 - (a) mengamalkan makan bersama-sama dengan memastikan semua anggota keluarga berkumpul sebelum makan
 - (b) menganggap orang yang mempunyai nama yang sama sebagai adik-beradik

Kepentingan Mengelakkan Amalan Tradisi Kekeluargaan

1. Menggeratkan hubungan antara anggota keluarga.
2. Menyatupadukan anggota keluarga.
3. Mewujudkan keharmonian dalam keluarga.
4. Identiti kekeluargaan dapat diteruskan.
5. Merapatkan jurang antara generasi tua dengan generasi muda.
6. Memupuk semangat bekerjasama dan bantu-membantu antara anggota keluarga.
7. Tradisi kekeluargaan dapat diwarisi oleh generasi seterusnya.
8. Memupuk semangat kekitaan sesama anggota keluarga.

Kesan Pengabaian Amalan Tradisi Kekeluargaan



UNIT

1

Pilihan Bermoral


Pilihan Saya

PBD Ciri Pilihan Bermoral

Buku Teks ms. 4

TP 1

1. Lengkapkan rajah di bawah dengan menyatakan ciri-ciri pilihan bermoral.

SP
1.1.1

eP+ POWERPOINT

CETUS IDEA



Terima mana-mana jawapan yang munasabah



PENDIDIKAN SIVIK



Nilai Teras: Hormat-menghormati

Tajuk: Bertingkah Laku Sopan

Konteks: Diri, Keluarga, Sekolah, Masyarakat, Negara, Global

Literasi Sivik

Pengetahuan: Menyatakan cara bertingkah laku dengan sopan dalam pelbagai situasi

Sosioekonomi: Mengekspresikan perasaan bangga apabila mengambil tingkah laku yang sopan

Tindakan: Mengamalkan tingkah laku yang sopan

Aktiviti:

1. Setiap kumpulan menerima sekeping kad situasi.
2. Setiap kumpulan berbincang tentang cara untuk bertingkah laku dengan sopan.
3. Setiap kumpulan bergilir-gilir memperkenalkan panduan tingkah laku yang mereka bincangkan.
4. Guru membincangkan lebih lanjut dengan murid mengenai tingkah laku yang dipamerkan selepas lakonan.




PBD Keperluan Membuat Pilihan Bermoral

2. Berdasarkan contoh yang diberi, lengkapkan rajah di bawah dengan menyatakan keperluan untuk membuat pilihan bermoral.

SP
1.1.2

TP 2

eP+
NOTAKeperluan Membuat
Pilihan Bermoral

- (a) **Meningkatkan keyakinan diri**
Shima menjadi ketua dalam Kelab Matematik. Dia merasa gembira kerana dapat memimpin dengan baik, dan ini meningkatkan keyakinan dirinya.
- (b) **Memelihara harga diri**
Shima mengatakan ‘tidak’ kepada ajakan rakannya untuk melakukan vandalisme dan menghalang rakannya daripada berbuat demikian kerana dia tahu perbuatan tersebut salah.
- (c) **Menjamin masa hadapan yang baik**
Shima belajar dengan bersungguh-sungguh dan menyiapkan tugas yang diberikan guru tepat pada waktunya.
- (d) **Memupuk perpaduan dan keharmonian**
Shima bekerjasama dengan rakan sekelas tanpa mengira kaum untuk menyiapkan kerja kumpulan.
- (e) **Melahirkan sikap hormat-menghormati**
Shima sentiasa menghormati pendapat orang lain walaupun dia tidak bersetuju, dan ini membuat rakan sekelasnya menghormatinya.
- (f) **Meningkatkan hubungan kerjasama**
Dalam jualan amal di sekolah, Shima dan rakan sekelas bekerjasama. Setiap orang mempunyai tugas yang jelas, kerjasama berjalan lancar, dan aktiviti tersebut mencapai kejayaan yang besar.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

PBD Kepentingan Mempertahankan Pilihan Bermoral

- SP** 3. Berdasarkan situasi yang diberi, cadangkan tindakan yang wajar dilakukan berlandaskan pilihan bermoral.

TP 3

KBAT
Menganalisis
1.1.3**Situasi****Tindakan wajar**

(a)

Aishah meminta ibunya membelikannya telefon bimbit baharu. Namun, ibunya menasihatinya agar menggunakan telefon bimbit lama kerana masih dalam keadaan baik. Hal ini menyebabkan Aisyah tidak bertegur sapa dengan ibunya.

Aisyah perlu mendengar nasihat ibunya agar menggunakan telefon bimbit lama dan melayan ibunya dengan sopan.

(b)

Jamil sering menghabiskan masa bermain permainan video hingga lewat malam dan tidak sempat menyiapkan kerja sekolah.

Jamil perlu menetapkan had masa untuk bermain permainan video dan memprioritaskan kerja sekolahnya.

(c)

Tong En mendapat tahu bahawa ibunya memerlukan bantuan di rumah, tetapi dia tetap memilih untuk pergi ke pawagam bersama kawan-kawannya, walaupun ibunya meminta dia membantu di rumah.

Tong En boleh mengatur masa dengan kawan-kawannya untuk menukar waktu menonton filem.

(d)

Azmir hanya menumpukan sepenuh perhatian dalam bidang akademik dan mengabaikan aktiviti kokurikulum. Dia berpendapat bahawa penglibatan dalam bidang kokurikulum akan menjelaskan pelajarannya.

Azmir harus menyedari bahawa aktiviti kokurikulum juga penting untuk perkembangan fizikal dan mental. Dia perlu bijak membahagikan masa.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah



4. Berdasarkan gambar yang diberi, nyatakan tindakan yang wajar dilakukan serta kepentingannya.

TP 4

SP
1.1.4

KBAT
Menganalisis

KBAT
Menilai



Tindakan wajar:

Emma menghentikan rakan sekelasnya daripada membuli murid dari tingkatan rendah dan memberitahu guru supaya masalah ini dapat ditangani dengan segera.

Kepentingan:

Mewujudkan persekitaran sekolah yang lebih selamat dan mesra.

Tindakan wajar:

Pei Lui mengembalikan wang yang lebih kepada juruwang untuk memastikan ketepatan transaksi.

Kepentingan:

Mencerminkan integriti dan kejujuran.

Tindakan wajar:

Adam menghentikan tindakan penyeksaan haiwan tersebut dan melaporkan kepada organisasi perlindungan haiwan untuk memastikan haiwan tersebut mendapat perlindungan dengan segera.

Kepentingan:

Menghargai haiwan sebagai makhluk ciptaan Tuhan.

Tindakan wajar:

Rajesh sepatutnya memberitahu rakannya tentang kerosakan pada tablet tersebut dan menawarkan untuk membayar atau menggantikan tablet yang rosak.

Kepentingan:

Menunjukkan integriti dan sikap bertanggungjawab.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

TP 5 TP 6

5. Berdasarkan situasi yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

SP
1.1.5
1.1.6

Semasa Diyana tiba di kelas, dia ternampak rakan sekelasnya, Zaleha tidak sedarkan diri. Zaleha merupakan rakan yang dibencinya disebabkan sikap Zaleha yang suka mengejek dan memperlekehkannya. Diyana teragak-agak sama ada hendak membantu Zaleha atau membiarkannya sahaja.

- (a) Andaikan anda Diyana, jelaskan pilihan bermoral yang perlu anda lakukan apabila berhadapan dengan situasi tersebut.

KBAT
Mengaplikasi

Saya perlu melaporkan perkara tersebut kepada guru dengan segera supaya dapat membantu Zaleha mendapatkan rawatan untuk menyelamatkan nyawanya.

- (b) Apakah perasaan anda apabila membuat pilihan bermoral dalam situasi tersebut? Jelaskan perasaan anda.

KBAT
Menilai

Gembira kerana membuat pilihan bermoral yang baik yang dapat memberikan kebaikan kepada Zaleha serta tidak mengambil kesempatan untuk membala dendam terhadap Zaleha.

- (c) Senaraikan ciri-ciri rakan yang baik dan boleh dijadikan contoh teladan.

KBAT
Menilai

Mengajak ke arah kebaikan, sentiasa menasihati dan menegur rakan yang melakukan kesalahan serta membantu rakan yang dalam kesusahan.

Terima mana-mana jawapan yang munasabah



AKTIVITI PAK-21

▷ Rally Robin



- Setiap kumpulan akan diberikan sekeping sampul surat yang mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan pilihan bermoral berdasarkan aspek berikut.
 - Pilihan kerjaya
 - Pemilihan sahabat
 - Dilema pemilihan hidup
 - Konflik pemilihan jurusan akademik
 - Konflik antara cinta dan cita-cita
- Setiap murid dalam kumpulan perlu menjawab soalan yang diberikan secara bergilir-gilir dalam bentuk lisan.
- Guru akan mendengar jawapan yang diberikan oleh setiap murid.
- Kemudian, guru akan membuat penilaian terhadap jawapan tersebut.

KUIZ
GAMIFIKASI




Unit 1



PRAKTIS

KBAT

1. Peta alir di bawah menunjukkan langkah-langkah menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif.



- (a) Nyatakan kepentingan menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif.

KBAT
Menilai

- (i) Dapat mengenal pasti punca masalah dengan berkesan
- (ii) Dapat memilih jalan penyelesaian masalah yang terbaik
- (iii) Dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan segera
- (iv) Dapat memberikan perhatian kepada perkara lain yang lebih penting

- (b) Ramalkan kesan jika seseorang individu tidak mampu menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif.

KBAT
Menganalisis

- (i) Masalah tidak dapat diselesaikan dengan segera
- (ii) Akan mengganggu fikiran
- (iii) Menjejaskan kebahagiaan hidup

- (c) Mengapakah ciri kebestarian diri amat penting dalam proses penyelesaian masalah secara kreatif dan inovatif?

KBAT
Menilai

- (i) Membantu memilih jalan penyelesaian masalah yang terbaik/ bijak
- (ii) Bersikap matang semasa menyelesaikan masalah
- (iii) Membuat keputusan berkaitan dengan penyelesaian masalah secara rasional

Terima mana-mana jawapan yang munasabah

PENTAKSIRAN PERTENGAHAN TAHUN

Skor

/60

Masa: Dua jam

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian, iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.

Bahagian A

[20 markah]

1. Antara berikut, tingkah laku yang manakah **tidak** menunjukkan ciri pilihan bermoral?
A Baik **C** Benar
B Patut **D** Buruk
2. Apakah nilai universal yang perlu diamalkan untuk memastikan pilihan bermoral yang dibuat adalah berlandaskan peraturan dan undang-undang?
A Nilai rasional
B Nilai kebebasan
C Nilai bertanggungjawab
D Nilai kepercayaan kepada Tuhan
3. Apakah anugerah alam ciptaan Tuhan yang dapat menyeimbangkan suhu bumi?
A Kehijauan hutan
B Pantai yang indah
C Air terjun yang jernih
D Buah-buahan yang berkhasiat
4. Apakah kesan jika setiap manusia berusaha mengekalkan anugerah alam ciptaan Tuhan?
A Pencemaran alam
B Kerosakan alam sekitar
C Kepupusan flora dan fauna
D Peningkatan sumber tenaga
5. Bagaimanakah cara anda dan keluarga menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan?
A Menguatkusakan undang-undang alam sekitar
B Tidak membazir sumber air semasa menggunakan air
C Menubuhkan badan atau agensi yang bertanggungjawab menjaga alam sekitar
6. Mengadakan kempen kesedaran tentang cara menghargai anugerah alam ciptaan Tuhan
7. Pilih pernyataan yang paling **tepat** tentang murid yang dianggap mempunyai kebestarian diri yang sempurna.
A Mempunyai pengetahuan luas dan budi pekerti mulia
B Tidak mempunyai pengetahuan luas dan budi pekerti mulia
C Mempunyai pengetahuan luas tetapi tidak mempunyai budi pekerti mulia
D Tidak mempunyai pengetahuan luas tetapi mempunyai budi pekerti mulia
8. Apakah contoh amalan yang dapat mendisiplinkan diri dalam kalangan murid?
A Bersikap tidak serius dalam setiap tindakan yang diambil
B Dapat mengawal diri dalam menghadapi apa-apa situasi
C Memberikan pelbagai alasan apabila menghadapi kegagalan
D Mudah berasa marah dan sering bertindak mengikut perasaan
9. Maklumat berikut menunjukkan contoh amalan tradisi kekeluargaan yang diamalkan oleh suatu kaum.
 - Memakai pakaian berwarna merah semasa menyambut perayaan kaumnya.
 - Menjemput orang yang lebih tua untuk makan.

2. Tulis “**Betul**” pada pernyataan yang betul dan “**Salah**” pada pernyataan yang salah.

- | | |
|---|--------------|
| (a) Manusia lebih istimewa berbanding dengan makhluk Tuhan yang lain kerana mempunyai akal yang membentuk kebestarian diri. | Betul |
| (b) Adat menyambut tetamu dianggap sebagai salah satu tradisi kekeluargaan. | Betul |
| (c) Konflik personaliti berlaku disebabkan oleh perbezaan kedudukan sosial dan ekonomi antara sahabat. | Salah |
| (d) Pemisahan tempat kediaman tidak boleh dikatakan sebagai cabaran hidup bersatu padu dalam kepelbagai agama, bangsa, budaya dan bahasa. | Salah |
| (e) Salah satu cara yang boleh dilakukan untuk menyuarakan pendapat tentang mutu perkhidmatan awam adalah melalui aduan. | Betul |

[5 markah]

3. Nyatakan **lima** kesan pengabaian sumbangan perkhidmatan awam kepada pembangunan negara.



[5 markah]

PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

Skor

/60

Masa: Dua jam

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian, iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.

Bahagian A

[20 markah]

- 1.** Mengapakah seseorang individu perlu mempertahankan pilihan bermoral?
I Hidup sejahtera
II Dihormati oleh rakan
III Bermusuhan dengan orang ramai
IV Dipandang rendah oleh masyarakat
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

2. Apakah kesan pengabaian anugerah alam ciptaan Tuhan?
I Kepupusan flora dan fauna
II Berlakunya pencemaran alam
III Kebersihan alam sekitar terjamin
IV Menjamin sumber tenaga yang mencukupi
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

3. Berikut merupakan ciri pelan pembangunan bandar terancang, **kecuali**
A loji pembetungan
B kawasan kediaman
C ketiadaan ciri kehijauan
D sistem jaringan jalan raya

4. Apakah ciri kebestarian diri yang dipenuhi apabila seseorang mempunyai banyak pengetahuan dan pengalaman?
A Aktif **C** Matang
B Bijak **D** Berdisiplin

5. Kebestarian diri dapat melahirkan insan yang _____.
A berakhhlak mulia

B bertindak mengikut perasaan
C berbangga dengan kebolehan diri
D memandang rendah terhadap orang lain

6. Maklumat di bawah berkaitan dengan tradisi kekeluargaan yang diamalkan oleh kaum **X**.
Kaum **X** mengikat dua batang pokok pisang di halaman rumah kedua-dua pengantin lelaki dan pengantin perempuan.

Apakah kaum **X**?
A Cina **C** Melayu
B India **D** Bidayuh

7. Apakah kesan jika amalan tradisi kekeluargaan dalam sesuatu kaum diabaikan?
I Hubungan sesama kaum menjadi lebih erat
II Amalan tradisi kekeluargaan sesuatu kaum semakin pupus
III Generasi pada masa akan datang akan kehilangan identiti kaum
IV Tradisi kekeluargaan yang menjadi alat penyatuan kaum semakin dipentingkan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

8. Mengapakah konflik personaliti berlaku dalam suatu persahabatan yang dijalankan?
A Halangan akibat perbezaan jantina
B Kedudukan sosial dan ekonomi yang berbeza
C Perwatakan yang tidak sama dalam persahabatan
D Penggunaan bahasa yang tidak beradab dalam persahabatan